

## **Penubuhan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi [High Conservation Value Forest (HCVF)]**

Penubuhan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi [High Conservation Value Forest (HCVF)] merupakan satu kerperluan pensijilan pengurusan hutan di bawah Kriteria dan Pertunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (Hutan Asli) [Malaysian Criteria & Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest)]. Di bawah Prinsip 9 MC&I (Hutan Asli) Unit Pengurusan Hutan perlu menuju dan menyelenggara kawasan hutan yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi.

HCVF ditakrifkan sebagai suatu kawasan hutan yang mempunyai nilai ekonomi, nilai persekitaran dan social serta Kawasan hutan yang dianggap luar biasa atau sangat tinggi tahap kepentingan nilainya dan dikategorikan sebagai Kawasan hutan dan Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Pencerobohan dan ancaman ke atas kawasan HCVF hendaklah dicegah bagi memastikan keselamatan dan keutuhan kawasan dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Pengenalpastian ancaman dan langkah mengatasinya
- b) Rondaan dan pemantauan
- c) Pemeriksaan sepanjang sempadan
- d) Memasang pagar bagi melindungi Kawasan HCVF
- e) Menjalankan kerja-kerja mengutip dan menanam semula spesies pokok yang terlibat secara in-situ ke dalam petak perlindungan.

## PETAK HIGH CONSERVATION VALUE FOREST DI NEGERI PULAU PINANG

BIL	TUJUAN PENUBUHAN PETAK HCVF	KATEGORI HCVF BERDASARKAN NILAI YANG DITETAPKAN OLEH FOREST STEWARDSHIP COUNCIL (FSC)	LOKASI				KELUASAN (ha)	TAHUN PENUBUHAN	JENIS HUTAN	SPESIES YANG DIPELIHARA
			NAMA HSK	NO. KOMP & NO. BLOK	DAERAH HUTAN	KOORDINAT GPS				
1	Pemeliharaan spesies terancam yang kepupusan	HCV 1: Kawasan hutan yang mengandungi tahap nilai biodiversity yang signifikans pada peringkat global, serantau dan nasional. (misalnya endemisme, spesies terancam. Refugia)	HS Bukit Panchor	Komp. 2	Seberang Perai Selatan	QX 284491/WMR570811	1.0	2014	Dipterokarp Bukit	Pinang Angin ( <i>Iguanura corniculata</i> )
2	Pemeliharaan spesies terancam yang kepupusan	HCV 1: Kawasan hutan yang mengandungi tahap nilai biodiversity yang signifikans pada peringkat global, serantau dan nasional. (misalnya endemisme, spesies terancam. Refugia)	Taman Negara Pulau Pinang	7B	Barat Daya	QX 246246/WMR605057	1.0	2017	Hutan Pamah Bukit	Merawan Ungu ( <i>Hopea bracteata</i> var. <i>penangiana</i> )

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI  
PULAU PINANG**

HUTAN MEMPUNYAI NILAI  
PEMELIHARAAN YANG TINGGI  
( HIGH CONSERVATION VALUE FOREST )

NO. HCVF : P-HCVF-B01

Hutan Simpan Kekal :  
HS Bukit Panchor

Kompartmen : 2

No. Warta HSK : PG 105

**MAKLUMAT HCVF**

Tahun Penubuhan : 2014

Keluasan : 1.0 Hektar

Ciri Istimewa : Pinang Angin  
( *Iguanura corniculata* )

Tumbuhan endemik dan hanya  
dijumpai di kawasan HS Bukit  
Panchor

**DILARANG MENCEROBOH**





## JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG PETAK IN-SITU MERAWAN UNGU

(*Hopea bracteata* Burck var. *penangiana* Symington)

### MAKLUMAT PETAK

- Tahun Penubuhan : 2017
- Keluasan : 60 meter x 40 meter ( 0.24 hektar)
- Maklumat Tumbuhan : Merupakan spesies "Critically Endangered (CR)" merujuk kepada *Malaysia Plant Red List Peninsular Malaysia Dipterocarpacea, Research Pamphlet No. 129.*

### DILARANG MENCEROBOH

PETAK HCVE

PINANG ANGIN "*Iguanura corniculata*"

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

